

**IKLAN JAWATAN KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA**  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS** ingin mempelawa calon di **kalangan Warganegara Malaysia** yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai Peneraju Kebitaraan Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF	BIDANG	KEKOSONGAN
1.	Pelaksana	Ahli Muzik	B29	Tetap	-	1

**PANDUAN PERMOHONAN**

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI* ([myjobs.upsi.edu.my](http://myjobs.upsi.edu.my)).
2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini profail** dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.
3. Permohonan secara dalam talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan dalam talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.
4. Permohonan adalah terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.
5. Selain daripada memenuhi syarat sepertimana yang ditetapkan dalam skim berkenaan, calon mestilah juga memenuhi syarat tambahan iaitu:
  - 5.1 bersih dan bebas dari sebarang tindakan tatatertib/perundungan;
  - 5.2 telah melengkapkan pengambilan **vaksinasi Covid-19** (sekurang-kurangnya 2 dos)
6. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa pengumuman yang dibuat di bahagian Semak Permohonan di [myjobs.upsi.edu.my](http://myjobs.upsi.edu.my) untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara dalam talian di ruangan tersebut.
7. Pemohon diminta mengisi maklumat alamat emel yang aktif. Permohonan secara dalam talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.
8. **Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**
9. **Setiap permohonan jawatan dikenakan RM 10.00 bagi satu (1) jawatan.**
10. **Calon perlu memastikan maklumat didalam Myjobs adalah lengkap bagi memastikan permohonan dapat diproses selanjutnya.**
11. **Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

12. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM



05-450 6328 / 6399 / 6514 / 6509 / 6034 / 6339 / 6342

#### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **23 April 2024 (Selasa)**.

## 1. Ahli Muzik Gred B29

1. (a) Jawatan : **Ahli Muzik**  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Bakat dan Seni
2. Jadual Gaji :
- | Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|------|--------------|---------------|-----------------------------|
| B29  | RM1,499.00   | RM5,679.00    | RM145.00                    |
3. Elaun :
- | Gred | Imbuhan Tetap Khidmat Awam | Imbuhan Tetap Perumahan | COLA     |
|------|----------------------------|-------------------------|----------|
| B29  | RM160.00                   | RM300.00                | RM200.00 |
4. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
5. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- Warganegara Malaysia; dan
  - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
  - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
  - Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00);  
Atau
  - Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78).
6. Syarat Ujian Khas : Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.
7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
8. Taraf Jawatan : Tetap
9. Tempoh Percubaan : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
10. Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.